



كردان نكر في قبح الالمان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795  
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my  
E-mail : pkpk@kedah.gov.my

كردان  
KEDAH SEJAHTERA  
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : (58)PBNK(K)007/1/2010 JLD.7

Tarikh : 27 Syaaban 1444H  
20 Mac 2023

Semua Pegawai Pengawal

YB Dato'/YBhg. SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

### MAKLUMAN BERKAITAN KEGAGALAN PROSES POTONGAN GAJI MELALUI SISTEM GAJI iSPEKS BAGI BULAN MAC 2023

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, terdapat isu teknikal berkaitan proses potongan gaji bagi bulan Mac 2023 melibatkan 7(tujuh) agensi berikut;

- a) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- b) Malaysian Building Society Berhad (MBSB)
- c) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- d) Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)
- e) Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM)
- f) Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad
- g) Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)

3. Berikutan isu teknikal ini, **tiada potongan gaji dibuat** kepada agensi-agensi tersebut pada bulan Mac 2023 dan ianya melibatkan semua kakitangan yang dibayar gaji melalui Sistem Gaji iSPEKS .


4. Pihak YB Dato'/YBhg. SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan kepada semua kakitangan yang mempunyai potongan dengan agensi-agensi tersebut untuk membuat semakan ke atas slip gaji masing-masing dan seterusnya menguruskan sendiri bayaran bagi bulan Mac 2023 kepada agensi-agensi berkaitan bagi mengelakkan berlakunya tunggakan bayaran/sumbangan.

5. Segala kerjasama dan keprihatinan pihak YB Dato'/YBhg. SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan amatlah dihargai dan segala kesulitan yang timbul berikutan perkara ini amat dikesali.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**‘KEDAH SEJAHTERA- NIKMAT UNTUK SEMUA’**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M), CPA(M))**

Bendahari Negeri,

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

No.Tel:04-7027770

Email:pkpk\_emolumen@kedah.gov.my

*Zaide/Nisa*